

Kini sesiapa sahaja boleh menjadi guru?

4B 28-03-2012 84



MINDA PENDIDIK

SHUKRI ZAIN

Bersama

Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Abdul Said Ambotang, Roslee
Talip dan Muhammad Suhaimi Taat

PROFESION perguruan dari kaca mata pasaran buruh perkhidmatan memiliki nilai kompetitif. Berbeza dengan profesion lain yang setara dengannya, bidang perguruan kelihatan satu-

satunya perkhidmatan profesional secara perjawatan tetapi belum mendapat pengiktirafan profesional secara amalan pengurusan. Kenapa isu ini terjadi sejak sekian lama tanpa kelihatan sebarang petunjuk jelas adanya inisiatif ke arah keprofesionalisme perguruan secara hakiki dalam perjawatan dan amalan?. Salah satu sumber berkaitan profail isu ini ialah ketidakkonsistenan pentadbiran dan pengurusan dasar ke atas pengambilan guru. Dalam konteks Malaysia, untuk menjadi guru seseorang itu disyaratkan menjalani latihan ikhtisas di universiti (IPTA) atau institut pendidikan guru (IPGM). Tiada yang terlepas daripada memenuhi keperluan syarat teras profesion perguruan ini. Namun begitu masih kedapatan guru yang mengajar di sekolah puluhan tahun tanpa mengikuti dan memiliki latihan ikhtisas. Lazimnya mereka merupakan guru sandaran tidak terlatih yang memenuhi ruang kosong akibat kekurangan guru terlatih di tempat-tempat jauh atau akibat tuntutan subjek kritikal.

Fenomena penyertaan guru sandaran tidak terlatih dari satu sudut dilihat mampu menyelesaikan masalah kekurangan gguru. Namun ia sekadar pendekatan secara adhoc yang tidak menguntungkan proses penarafan dan pamarabatan kerjaya perguruan. Bukan sedikit yang terjebak sebagai guru sandaran tidak terlatih dengan minda dan jiwa pekerjaan cari makan. Sedangkan hakikat kemuliaan martabat guru selain sebagai kerjaya untuk hidup, namun ia adalah kerjaya untuk menghidupkan anak didik sebagai insan kamil. Bermakna tarbiah mendidik akan hanya lahir daripada minda dan jiwa guru yang berbakti bukan sekadar untuk mencari rezeki.

Setiap kali terbit iklan pengambilan guru, maka jumlah peminta kerja mengatasi jumlah pemohon kerjaya. Maksudnya, ramai yang memohon tempat memasuki IPTA atau IPGM lebih didorong oleh tuntutan mendapat kerja. Manakala pemohon kerjaya yang benar-benar berhasrat menghayati profesion perguruan sebagai darah daging murabbi sering terkesampingan semasa saringan. Isu berbangkit bukanlah terbatas tentang siapa yang dipilih, tetapi turut mengutamakan bagaimana calon guru dipilih. Oleh kerana ramai peminat daripada pelbagai latar belakang berlarian mengejar garisan pemilihan ke profesion ini, maka standard kriteria pemilihan perlu lebih mentelitikan ketrampilan sahsiah dan kebertanggungjawaban penghayatan ilmu. Kelayakan akademik semata-mata tidak selalunya mencerminkan kelayakan amanah dalam diri seseorang. Apatah lagi kepada bakal guru yang bakal berdepan gelombang tugas yang menggunung lambungannya. Harapan dan ekpektasi masyarakat ada kala melampiasikan ombang besar yang mampu menggoncangkan bahtera sekolah. Andai kerjaya sekadar kerja, guru begini akan dilambung ombak tinggi menjulang dan akhirnya kelelasan dalam kehanyutan penghujung arus.

Latihan perguruan bukan sekadar melepas batuk di tangga. Mencelup pewarna berwajah guru pendidik ke paras guru pekerja sekadar menghasilkan jasad badut yang terkontang kanting menjaja jenaka kliche. Sehubungan itu, harus dibezakan antara latihan perguruan untuk bakal guru daripada kalangan guru pemohon kerjaya dan peminta kerja. Penekanan ke atas kebertanggungjawaban (akauntabiliti) lebih harus dititikberatkan melampau bidang kurikulum. Ini bermaksud, untuk menjadi guru bukan sekadar berkaitan tugas pengajaran dan pembelajaran, malah merentasi komponen-komponen pelengkap lain seperti kokurikulum, pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia dan kepemimpinan. Ujian sebenar ialah bagaimana seseorang bakal guru mampu meletakkan dirinya ke tempat wajar dan sebenar ke posisi kepelbagaian tugas di sekolah. Ini bermakna seseorang bakal guru harus menginsafi bahawa mereka bakal merekayasa diri ke dunia perguruan di sekolah. Mereka bukan lagi saintis atau jurutera atau peguam walaupun memang begitu latar belakang kelayakan akademik asal mereka. Harus sedar mereka telah memilih bidang baru yang hampir terlepas jauh daripada bidang asal. Lalu berkayuhlah dengan dayung seorang guru. Justeru laluan saintis, jurutera atau peguam telah kehanyutan dibawa arus, maka berkayuhlah mengikut arus kerjaya perguruan sepenuhnya. Konflik diri boleh terjadi andai masih ada yang terperangkap dengan kedegilan ego diri dan enggan membina sahsiah diri dalam kehendak realiti. Andai sahsiah dan ilmu tidak segandingan, maka asosiasi diri ke profesion perguruan menjadi penjawat gelandangan tanpa wawasan sejati.

Pengambilan guru sandaran tidak terlatih mengikuti program pendidikan guru lepas ijazah adalah baik secara pentadbiran. Namun begitu, aspek pengurusan dan kawalan kualiti seharusnya berjalan serentak. Sikap sambil lewa dan ketirisan akal budi dalam perjalanan kursus tidak harus dipandang ringan. IPTA dan IPGM perlu mengawal selia tahap perkembangan dan pencapaian penyertaan guru sandaran tidak terlatih agar benar-benar bergerak menuju ke destini roh guru pendidik sejati. Andai ingin kembali mengusahakan langkah strategik ke arah penarafan profesionalisme perguruan secara perjawatan dan amalan yang disebutkan sebelum ini, sudah tentu corak kandungan latihan dan kaedah pengambilan bakal guru perlu bersandar kepada falsafah dan dasar yang pragmatik, bukan sekadar tangkap muat hingga mencetuskan persepsi awam bahawa kini sesiapa sahaja boleh menjadi guru. Persepsi salah ini kelihatan seperti benar apabila produk latihan guru berasaskan penyelesaian adhoc dalam bentuk melayani tuntutan pemohon kerja hingga mengabaikan potensi pemohon kerjaya yang telah sedia lama dilatih dari awal dalam bidang ikhtisas di IPTA. Isu penempatan guru terlatih dari lepasan IPTA menghambat persoalan kritikal yang tidak berkesudahan daripada kesemua pihak terlibat. Jangan sampai gajah sama gajah bertarung, pelanduk mati di tengah-tengah.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan boleh dihubungi melalui drshukriz@ yahoo.com